

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PELANCARAN LAMAN FLORA GENETIKA
DI INSTITUT PENYELIDIKAN
TEKNOLOGI NUKLEAR MALAYSIA (MINT), BANGI
PADA HARI SELASA, 15 OGOS 2000
JAM 9.00 PAGI**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) kerana menjemput saya bersama-sama di majlis yang bermakna ini. Saya amat berbangga kerana dapat berkongsi gembira dengan kejayaan yang dicapai.

2. Kemahuan manusia supaya dikelilingi dengan tanaman hiasan tidak kira di luar ataupun dalam ruang kediamannya, telah tercatat sejak masa lampau lagi. Banyak bukti arkeologi dari Greek, Cina, Mesir dan Rom menunjukkan kecenderungan manusia bukan sahaja terhadap tanaman sumber makanan tetapi juga untuk perhiasan. Sejarah Barat menunjukkan kehairahan ahli-ahli botani, penanam tanaman hiasan, pendakwah dan peniaga terhadap tanaman-tanaman baru, tercetus hanya setelah bermulanya penerokaan negara-negara tropika. Kebanyakan peneroka ini berkhidmat kepada taman botani, keluarga di raja atau golongan aristokrat yang semuanya bersaing untuk mendapatkan tanaman yang dianggap unik dari hutan tropika.

3. Tanaman tersebut ditanam di dalam keadaan yang terkawal. Setiap tanaman yang diperolehi menyebabkan perlumbaan dikalangan peminat untuk mendapatkannya. Dalam tahun an telah berlaku beberapa peristiwa seperti "cactus fever", "fern fever" dan di akhir kurun 19 kecenderungan kepada orkid. Dalam kurun itu juga terdapat banyak inovasi untuk pengangkutan tanaman yang diperolehi dari negara-negara tropik pulang ke Barat.

4. Banyak spesi tersebut masih lagi ditanam malah di eksport semula ke negara asal. Namun kebanyakannya telah mengalami perubahan melalui proses penghibridan yang dilakukan oleh ahli-ahli botani dan pengusaha nurseri. Ia dilakukan untuk memenuhi citarasa orang ramai terhadap tanaman baru.

5. Ahli-ahli botani, pakar penghibridan, saintis atau pelaut (seafarer) ini diingati melalui nama genera dan spesi tanaman yang mereka perolehi atau temui. Misalnya Michel Begon, membawa pulang spesi begonia setelah menetap di Antilles dalam tahun 1680. Jadi tidak hairan jika bunga kertas lebih popular dikenali dengan nama pelaut/seaman Louis Antoine de Bougainville.
6. Saya harap cebisan sejarah ini mencetuskan kesedaran kepada kita bagaimana khazanah di sekeliling kita kehilangan kerana kita tidak menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi. Kebanyakan peristiwa sejarah ini masih lagi berulang dan kecenderungan terhadap tanaman hiasan masih lagi serupa dan relevan sekarang. Ahli-ahli botani, penyelidik dan juga pengusaha nurseri masih lagi giat cuba memenuhi kehendak orang ramai atau pelanggan terhadap pelbagai jenis tanaman hiasan. Hobi yang dulunya terhad kepada peminat kini telah menjadi industri yang bernilai berbillion ringgit di peringkat global. Keperluan untuk tanaman hiasan dan juga produk florikultur seperti bunga keratan dan potpuri adalah sangat luas. Permintaan untuknya meningkat selaras dengan perubahan gaya hidup dan peningkatan status ekonomi masyarakat. Tanaman hiasan dan produk florikultur diperlukan dalam hampir semua peristiwa dan keadaan. Dari saat kelahiran hingga kepada kematian.
7. Dalam dunia yang semakin sempit kerana kemajuan teknologi komunikasi dan pengangkutan, kita tidak lagi terlalu bergantung harap terhadap penemuan-penemuan spesi baru dari hutan yang belum diterokai. Teknologi baru seperti bioteknologi membolehkan kita mengubahsuai apa yang sedia ada kepada suatu produk yang memenuhi citarasa kita. Produk-produk baru ini boleh diperolehi oleh pelanggan dengan cepat, dan mengakibatkan persaingan yang hebat di pasaran. Oleh yang demikian kita perlu meningkatkan kemahiran tentang teknologi untuk bersaing di pasaran.
8. Sungguhpun teknologi nuklear ini lazimnya dikaitkan dengan senjata yang membawa kehancuran, atau kemalangan yang membawa maut dan malapetaka alam sekitar, banyak aspek teknologi tersebut yang dapat memberi manfaat kepada kita berhubung dengan pembangunan dalam bidang-bidang pertanian, industri dan perubatan. Sejak penubuhan MINT hampir tiga dekad yang lepas, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menggunakan teknologi ini dalam membangunkan negara. Banyak penemuan, produk dan kemajuan telah dicapai hasil dari penyelidikan yang gigih. Hari ini kita akan sama-sama saksikan satu lagi kejayaan MINT dalam usahanya membantu industri florikultur berkembang lebih maju lagi. Teknologi yang dibangunkan di MINT dan sedang diperkenalkan kepada para pengusaha nurseri ini adalah salah satu teknologi yang dianggap sangat sesuai untuk diamalkan secara ratin untuk mendapatkan kultivar atau varieti baru supaya kita dapat bersaing di pasaran florikultur peringkat global.

9. Usaha MINT menubuhkan Laman Flora GENETIKA amat bertepatan dengan hasratnya untuk membangunkan teknologi dan varieti baru di samping melangkah ke arah pengkomersilan penemuan-penemuan yang dicapai. Dengan dokongan kepakaran penyelidik-penyelidik, saya percaya Laman Flora GENETIKA boleh menjadi pusat setempat atau "one stop centre" untuk bekalan varieti baru tanaman hiasan kepada semua pengusaha nurseri di negara ini. Pihak swasta seharusnya menyambut baik usaha MINT ini dan bekerjasama untuk menyaingi pesaing dari luar negara. Teknologi, kepakaran dan infrastruktur sedang dibangunkan supaya industri negara ini dapat membuat lonjakan atau "leapfrog" dan mengurangkan jurang teknologi dengan negara-negara maju. Kita harus berusaha mengelakkan mengimport semula sumber-sumber semula jadi yang berasal dari negara kita.

10. Hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara taman juga bertujuan mendorong industri florikultur dan lanskap. Sebagai salah sebuah pusat biodiversiti di dunia, kita mempunyai pelbagai sumber semula jadi untuk digunakan dalam rekabentuk taman yang unik. Idea asal sesebuah taman dibentuk adalah untuk menyediakan tempat yang terlindung dari persekitaran terlalu membangun dan pada masa yang sama melindungi diri kita daripada terpesona dengan keadaan alam semula jadi. Bagaimana kita dapat mengadun kepelbagaian sumber-sumber semula jadi itu ke dalam habitat moden kehidupan kita yang maju hari ini adalah merupakan satu cabaran untuk para penyelidik. Kita harus berusaha sama untuk menghasilkan bukan sahaja tanaman yang lebih menarik dan sesuai dengan persekitaran baru habitat kita, malah teknologi baru untuk pengeluaran, penanaman dan penjagaan tanaman tersebut. Kita tidak ingin lagi melihat pokok-pokok segera yang segar dan berbunga, kemudian meruncing layu atau tinggal ranting selepas hanya beberapa bulan ditanam.

11. Saya harap 12 kultivar baru dan Laman Flora GENETIKA yang akan dilancarkan ini adalah hanya titik permulaan untuk lebih banyak lagi penemuan baru di masa akan datang. Penyelidikan harus digiatkan supaya penghasilan-penghasilan seperti ini dapat diteruskan. Pihak swasta juga harus bersama-sama menyahut cabaran ini bersama agensi Kerajaan seperti MINT untuk membangunkan teknologi yang sesuai dan juga kultivar-kultivar baru dari tanaman asal atau "indigenous" negara kita. Saya percaya dengan bekerjasama, penghasilan banyak lagi kultivar-kultivar baru yang boleh menyaingi pasaran global boleh dihasilkan dalam masa yang singkat.

12. Dengan kepercayaan ini dan harapan MINT akan lebih berjaya dalam usaha-usahanya, saya dengan rasminya melancarkan Laman Flora GENETIKA.